# SURAH AL-BAQARAH

**(Lembu Betina)**
**Surah Kedua**
**Mengandungi 286 ayat**
**Diturunkan di Madinah**

تِلْكَ ٱلرُّسُلُ فَضَّلْنَا بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ ۘ مِّنْهُم مَّن كَلَّمَ ٱللَّهُ ۖ
وَرَفَعَ بَعْضَهُمْ دَرَجَٰتٍ ۚ وَءَاتَيْنَا عِيسَى ٱبْنَ مَرْيَمَ ٱلْبَيِّنَٰتِ
وَأَيَّدْنَٰهُ بِرُوحِ ٱلْقُدُسِ ۗ وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَا ٱقْتَتَلَ ٱلَّذِينَ مِنۢ
بَعْدِهِم مِّنۢ بَعْدِ مَا جَآءَتْهُمُ ٱلْبَيِّنَٰتُ وَلَٰكِنِ ٱخْتَلَفُوا۟ فَمِنْهُم
مَّنْ ءَامَنَ وَمِنْهُم مَّن كَفَرَ ۚ وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ مَا ٱقْتَتَلُوا۟ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ
يَفْعَلُ مَا يُرِيدُ ﴿٢٥٣﴾

**(253) Rasul-Rasul itu Kami lebihkan sebahagian daripada mereka atas sebahagian yang lain. Di antara mereka ada yang Allah berkata-kata dengannya, dan mengangkat sebahagian yang lain beberapa darjat. Dan Kami berikan Isa bin Maryam beberapa keterangan (mujizat), serta Kami kuatkan dia dengan Ruhul Qudus (Jibril a.s). Dan sekiranya Allah menghendaki nescaya orang-orang yang datang kemudian daripada Rasul-Rasul itu tidak berbunuh-bunuhan sesudah datang kepada**

**mereka keterangan-keterangan (yang dibawa oleh Rasul mereka). Tetapi mereka bertelingkah maka sebahagian mereka beriman dan sebahagian yang lain kafir. Dan kalaulah Allah hendak, mereka tidak berbunuh-bunuhan; tetapi Allah melakukan apa yang Dia hendak.**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| عَلَىٰ | بَعۡضَهُمۡ | فَضَّلۡنَا | ٱلرُّسُلُ | تِلۡكَ |
| Atas | Sebahagian mereka | Kami telah lebihkan | Rasul-rasul | Itulah |
| ٱللَّهُ | كَلَّمَ | مَّن | مِّنۡهُم | بَعۡضٍ |
| Allah | Telah berkata | Yang | Daripada mereka | Sebahagian |
| عِيسَى | وَءَاتَيۡنَا | دَرَجَٰتٍ | بَعۡضَهُمۡ | وَرَفَعَ |
| Isa | Dan kami telah berikan | Darjat-darjat | Sebahagian mereka | Dan telah angkat |
| بِرُوحِ | وَأَيَّدۡنَٰهُ | ٱلۡبَيِّنَٰتِ | مَرۡيَمَ | ٱبۡنَ |
| Dengan Ruh | Dan kami telah tolongnya | Keterangan-keterangan | Maryam | Anak lelaki |
| مَا | ٱللَّهُ | شَآءَ | وَلَوۡ | ٱلۡقُدُسِ |
| Tidak | Allah | Telah hendak | Dan kalau | Suci |
| مِّنۢ | بَعۡدِهِم | مِنۢ | ٱلَّذِينَ | ٱقۡتَتَلَ |
| Daripada | Selepas mereka | Daripada | Mereka yang | Telah Berbunuhan |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| وَلَٰكِنِ | ٱلْبَيِّنَٰتُ | جَآءَتْهُمُ | مَا | بَعْدِ |
| Tetapi | Keterangan-keterangan | Telah datang kepada mereka | Apa | Selepas |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| وَمِنْهُم | ءَامَنَ | مَّنْ | فَمِنْهُم | ٱخْتَلَفُوا۟ |
| Dan daripada mereka | Telah Beriman | Yang | Maka daripada mereka | Mereka telah bertelingkah |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| ٱللَّهُ | شَآءَ | وَلَوْ | كَفَرَ | مَّن |
| Allah | Telah hendak | Dan kalau | Telah kafir | Yang |

| | | | |
|---|---|---|---|
| ٱللَّهَ | وَلَٰكِنَّ | ٱقْتَتَلُوا۟ | مَا |
| Allah | Tetapi | Mereka telah berbunuhan | Tidak |

| | | |
|---|---|---|
| يُرِيدُ | مَا | يَفْعَلُ |
| Dia hendak | Apa | Buat |

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَنفِقُوا۟ مِمَّا رَزَقْنَٰكُم مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِىَ
يَوْمٌ لَّا بَيْعٌ فِيهِ وَلَا خُلَّةٌ وَلَا شَفَٰعَةٌ ۗ وَٱلْكَٰفِرُونَ هُمُ
ٱلظَّٰلِمُونَ ٢٥٤

**(254) Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (ke jalan Allah) sebahagian daripada apa yang telah Kami berikan kepada kamu, sebelum tibanya hari (kiamat) yang tiada jual-beli ketika tersebut dan tiada pula teman (yang memberi manfaat) serta tiada pula pertolongan. Dan orang-orang kafir, mereka itulah orang-orang yang zalim.**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| مِمَّا | أَنفِقُوا۟ | ءَامَنُوٓا۟ | ٱلَّذِينَ | يَـٰٓأَيُّهَا | |
| Daripada apa | Nafkahkan | Mereka telah beriman | Mereka yang | Wahai | |
| يَأْتِىَ | أَن | قَبْلِ | مِّن | رَزَقْنَـٰكُم | |
| Datang | Bahawa | Sebelum | Daripada | Kami telah berikan kamu | |
| خُلَّةٌ | وَلَا | فِيهِ | بَيْعٌ | لَّا | يَوْمٌ |
| Teman | Dan tiada | Padanya | Jual beli | Tiada | Hari |
| ٱلظَّـٰلِمُونَ | هُمُ | وَٱلْكَـٰفِرُونَ | شَفَـٰعَةٌ | وَلَا | |
| Orang-orang zalim | Mereka | Dan orang-orang kafir | Pertolongan | Dan tiada | |

ٱللَّهُ لَآ إِلَـٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ

لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ

عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذۡنِهِۦۚ يَعۡلَمُ مَا بَيۡنَ أَيۡدِيهِمۡ وَمَا خَلۡفَهُمۡۖ وَلَا
يُحِيطُونَ بِشَيۡءٖ مِّنۡ عِلۡمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَۚ وَسِعَ كُرۡسِيُّهُ
ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفۡظُهُمَاۚ وَهُوَ ٱلۡعَلِيُّ ٱلۡعَظِيمُ
٢٥٥

**(255) Allah, tiada tuhan melainkan Dia, Yang Tetap Hidup, Yang Berdiri Dengan SendiriNya. Yang tidak mengantuk dan tidak tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Siapa yang dapat memberi syafa'at (pertolongan) disisiNya melainkan dengan izinNya? Yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedangkan mereka tidak mengetahui sesuatu pun daripada ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki. Luasnya Kursi Allah meliputi langit dan bumi; dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya. Dan Dialah Yang Maha Tinggi lagi Maha Besar.**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| هُوَ | إِلَّا | إِلَٰهَ | لَآ | ٱللَّهُ |
| Dia | Melainkan | Tuhan | Tiada | Allah |
| سِنَةٞ | تَأۡخُذُهُ | لَا | ٱلۡقَيُّومُ | ٱلۡحَيُّ |